

Berita Harian Online – Tuesday, 24 September 2024

Pelancaran NSRF langkah positif untuk syarikat senaraian awam - MSWG

Oleh [Mahanum Abdul Aziz](#) - September 24, 2024 @ 5:56pm
mahanum_aziz@bh.com.my



Ibu pejabat Bursa Malaysia, di Bukit Kewangan, Kuala Lumpur. - NSTP/ASWADI ALIAS

KUALA LUMPUR: Pelancaran Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan (NSRF) dijangka mempertingkatkan kebolehbandingan usaha kemampanan dan pendedahan syarikat tersenarai, kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pemantau Pemegang Saham Minoriti (MSWG), Dr Ismet Yusoff.

Beliau berkata, menggunakan Piawaian Lembaga Piawaian Kemampanan Antarabangsa (ISSB) iaitu IFRS S1 dan S2 sebagai piawaian asas, NSRF bertujuan untuk meningkatkan ketersediaan maklumat yang boleh dipercayai, setanding dan berguna untuk keputusan mengenai risiko dan peluang kemampanan material.

Katanya, penggunaannya juga akan memupuk kepercayaan dan keyakinan dalam kalangan pemegang taruh kerana ia akan membantu membuat keputusan pelaburan termaklum dan mewujudkan nilai yang mampan untuk semua pemegang taruh.

"Memandangkan Piawaian ISSB mendapat momentum, syarikat tidak tersenarai digalakkan untuk menggunakan pakai piawaian itu dengan mempertimbangkan rantaian bekalan yang saling berkaitan, ekonomi berorientasikan eksport Malaysia dan pergantungan kepada pelaburan langsung asing (FDI).

"Bagi memenuhi jangkaan rakan perniagaan yang besar, perniagaan tempatan digalakkan untuk menggunakan pakai rangka kerja untuk beralih ke arah amalan perniagaan yang lebih mampan dan bertanggungjawab," katanya bagi mengulas mengenai manfaat NSRF.

Mengulas lanjut, Ismet berkata, dengan pelancaran NSRF itu, Malaysia menyertai lebih 20 bidang kuasa yang telah menerima pakai atau sedang bergerak ke arah melaksanakan IFRS S1 dan S2.

Beliau berkata, ia menunjukkan komitmen negara untuk diselaraskan dengan amalan terbaik antarabangsa, yang akhirnya akan meningkatkan keyakinan pelabur.

Di samping, katanya, ia meningkatkan ketelusan dalam pendedahan kemampanan, penggunaan NSRF juga akan menarik lebih ramai pelabur, sejajar dengan tumpuan yang semakin meningkat pada kemampanan.